



**SYARAT-SYARAT  
PERTANDINGAN KUIZ SEMPENA MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN  
AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (MTHQK)  
1444H / 2023M**

---

**FORMAT MENJAWAB KUIZ**

1. Dua (2) soalan akan disiarkan setiap malam bermula 11 hingga 15 Jun 2023 sebelum tamat siaran langsung MTHQK di RTM TV1, TV Alhijrah dan media sosial rasmi JAKIM. Keseluruhan pertandingan ini mengandungi 10 soalan.
2. Penonton hendaklah menonton setiap siaran MTHQK untuk mengumpul semua soalan.
3. Peserta perlu menjawab semua soalan melalui borang penyertaan atas talian yang boleh diakses melalui media sosial rasmi JAKIM.
4. Peserta boleh merujuk media sosial rasmi JAKIM untuk mendapatkan jawapan.
5. Penonton perlu menghantar semua jawapan yang dikumpul pada 15 Jun 2023 sebelum atau pada jam 11.59 malam.

## PEMILIHAN PEMENANG

1. Peserta hendaklah menjawab kesemua soalan kuiz dengan lengkap berserta slogan yang ditetapkan.
2. Pemenang dipilih berdasarkan jawapan paling tepat daripada keseluruhan soalan kuiz dan slogan yang paling menarik.
3. Nama pemenang akan diumumkan melalui media sosial rasmi JAKIM pada 16 Jun 2023.
4. Pemenang akan dihubungi melalui panggilan telefon / emel / Whatsapp atau lain-lain kaedah yang bersesuaian. **JAKIM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal untuk membalas panggilan / mesej yang diberikan.
5. Sekiranya pemenang gagal dihubungi, JAKIM berhak untuk memilih pemenang yang berikutnya untuk diberikan hadiah.
6. Semua keputusan adalah muktamad.

## **TERMA & SYARAT KUIZ SOALAN TERKUMPUL MTHQK 2023**

1. Kuiz ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas kecuali semua kakitangan JAKIM dan ahli keluarga terdekat.
2. Peserta hendaklah melengkapkan borang jawapan dengan butiran diri yang lengkap. Penyertaan terbatal jika didapati menggunakan maklumat palsu.
3. Peserta hendaklah melengkapkan kata nama (*user name*) akaun media sosial yang diperlukan di borang jawapan menggunakan butiran diri sendiri.
4. Peserta hendaklah mengikuti (*follow*) akaun Facebook rasmi JAKIM. Penyertaan akan terbatal jika didapati tidak memenuhi syarat ini.
5. Penganjur berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan kelayakan peserta yang tidak mematuhi mana-mana perkara di dalam Terma dan Syarat penyertaan.
6. Semua keputusan yang dibuat oleh JAKIM adalah muktamad dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan.
7. Hadiah-hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada keputusan penganjur.
8. Penganjur berhak untuk mengubah, menangguhkan, atau melanjutkan tempoh pertandingan atas budi bicara mutlaknyanya.

**HADIAH :**

Pemenang Pertama	:	RM 2,000
Pemenang Kedua	:	RM 1,500
Pemenang Ketiga	:	RM 1,000